



**MENTERI KANAN  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

**PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OGOS 2022 DAN TEMPOH  
JANUARI-OGOS 2022#**

***Eksport Melepas RM1 Trilion Dalam Tempoh Lapan Bulan***

Perdagangan Malaysia kekal kukuh pada Ogos 2022 dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi perdagangan, eksport dan import. Ini merupakan nilai tertinggi bagi bulan Ogos setakat ini. Perdagangan melonjak 56.7% kepada RM265.74 bilion berbanding Ogos 2021, pertumbuhan dua digit yang ke-19 bulan berturut-turut. Eksport meningkat 48.2% kepada RM141.33 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-13 bulan berturut-turut. Import melonjak 67.6% kepada RM124.41 bilion dan lebihan dagangan berkurang 19.9% kepada RM16.92 bilion.

Pertumbuhan eksport telah disumbangkan oleh peningkatan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, gas asli cecair (LNG) serta barang optik dan saintifik. Eksport keluaran petroleum, LNG serta barang optik dan saintifik mencatatkan nilai bulanan tertinggi setakat ini. Manakala, eksport ke rakan dagang utama khasnya ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merekodkan pertumbuhan dua digit. Nilai eksport bulanan tertinggi telah dicatatkan ke Jepun.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing berkembang sebanyak 5.2%, 5.4%, 5.0% dan 8.6%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, perdagangan meningkat 33.1% kepada RM1.873 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport telah melepassi RM1 trilion dalam tempoh lapan bulan, jangka masa tersingkat pernah dicatatkan bagi mencapai nilai ini, berkembang 30.3% kepada RM1.014 trilion. Import bertambah 36.7% kepada RM858.83 bilion dan lebihan dagangan naik 3.7% kepada RM155.57 bilion. Perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan mencatatkan nilai tertinggi bagi tempoh ini.

### **Prestasi Eksport Sektor Utama**

#### ***Barangan Perkilangan - Pertumbuhan Dua Digit Eksport yang ke-13 Bulan Berturut-turut***

Eksport barangank perkilangan pada Ogos 2022, yang mewakili 84.5% daripada jumlah eksport naik 47.7% tahun ke tahun kepada RM119.48 bilion. Ini merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-13 bulan berturut-turut. Pertumbuhan ini telah disokong oleh kenaikan eksport barang E&E, keluaran petroleum, barang optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan, di mana setiap barang ini telah merekodkan kenaikan melebihi RM1 bilion.

Eksport hasil galian (7.6% syer) melonjak 59.1% tahun ke tahun kepada RM10.77 bilion, merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-18 bulan berturut-turut disumbangkan oleh pertambahan eksport LNG dan petroleum mentah.

Eksport keluaran pertanian (7.4% syer) meningkat 42.6% kepada RM10.47 bilion berbanding Ogos 2021, pertumbuhan dua digit yang ke-17 bulan berturut-turut. Kenaikan ini disokong oleh eksport yang kukuh bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

#### **Barangan eksport utama pada Ogos 2022:**

- Barangan E&E, bernilai RM50.89 bilion dan merangkumi 36.0% daripada jumlah eksport, meningkat 48.5% berbanding Ogos 2021;

- Keluaran petroleum, RM20.25 bilion, 14.3% daripada jumlah eksport, melonjak 180.3%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM8.19 bilion, 5.8% daripada jumlah eksport, meningkat 47.9%;
- Kimia dan bahan kimia, RM6.69 bilion, 4.7% daripada jumlah eksport, meningkat 15.3%; dan
- LNG, RM6.28 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, melonjak 72.9%.

Berbanding Julai 2022, eksport barangan perkilangan berkembang 6.4% manakala hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing menyusut sebanyak 0.4%.

Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2022, eksport barangan perkilangan bertambah 26.7% kepada RM853.29 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021, disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E, keluaran petroleum, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit, barangan perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan, kimia dan bahan kimia serta barangan optik dan saintifik.

Eksport keluaran pertanian naik 41.0% kepada RM81.97 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021, dipacu oleh pertambahan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Eksport hasil galian melonjak 69.4% kepada RM74.61 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, berikutan eksport yang kukuh bagi LNG, petroleum mentah, bijih logam dan serpihan logam serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain.

### **Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama**

#### ***ASEAN – Pertumbuhan Eksport Terpantas Dicatatkan***

Pada Ogos 2022, perdagangan dengan ASEAN melonjak 61.0% tahun ke tahun kepada RM70.87 bilion, merangkumi 26.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport melonjak 60.4% kepada RM42.02 bilion, pertumbuhan terpantas dicatatkan

setakat ini. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport keluaran petroleum dan barang E&E. Import dari ASEAN melonjak 61.9% kepada RM28.85 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM20.84 bilion, meningkat 54.5%;
- Indonesia RM6.69 bilion, ↑110.2%;
- Thailand RM5.86 bilion, ↑59.2%;
- Viet Nam RM3.52 bilion, ↑9.7%;
- Filipina RM2.65 bilion, ↑33.0%;
- Myanmar RM1.39 bilion, ↑821.9%;
- Brunei RM593.5 juta, ↑82.1%;
- Kemboja RM419.3 juta, ↑167.0%; dan
- Lao PDR RM50.9 juta, ↑1,529.7%.

Eksport ke kesemua pasaran ASEAN telah merekodkan peningkatan khasnya ke **Singapura**, berkembang sebanyak RM7.36 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barang E&E, **Indonesia** (↑RM3.51 bilion, keluaran petroleum), **Thailand** (↑RM2.18 bilion, barang E&E) dan **Viet Nam** (↑RM310.5 juta, barang E&E).

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut sebanyak 3.3%, 1.2% dan 6.2%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, perdagangan dengan ASEAN naik sebanyak 43.5% kepada RM514.73 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport ke rantau ini meningkat 38.1% kepada RM297.41 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barang E&E, keluaran petroleum, petroleum mentah serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN berkembang 51.5% kepada RM217.32 bilion.

### ***China – Barangan E&E Sokong Pertumbuhan Eksport***

Pada Ogos 2022, perdagangan dengan China yang merangkumi 16.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia berkembang 36.2% tahun ke tahun kepada RM43.85 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-21 bulan berturut-turut. Eksport ke China naik

21.3% kepada RM18.46 bilion dipacu oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E.

Import dari China meningkat 49.5% kepada RM25.39 bilion.

Berbanding Julai 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik 8.1%, 16.3% dan 2.8%.

Perdagangan dengan China bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2022 berkembang sebanyak 19.2% kepada RM316.72 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport meningkat 14.2% kepada RM135.36 bilion berikutan peningkatan eksport barang E&E, LNG serta bijih logam dan serpihan logam. Import dari China naik 23.2% kepada RM181.36 bilion.

#### ***AS – Rekod Pertumbuhan Kukuh Perdagangan***

Perdagangan dengan AS pada Ogos 2022 yang menyumbang 9.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia berkembang sebanyak 46.6% tahun ke tahun kepada RM24.56 bilion. Perdagangan merekodkan pertumbuhan dua digit yang ke-12 bulan berturut-turut. Eksport meningkat 38.2% kepada RM14.98 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi barang E&E. Import dari AS melonjak 61.9% kepada RM9.58 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 7.7%, 12.7% dan 0.7%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, perdagangan dengan AS berkembang 25.2% kepada RM172.04 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport naik sebanyak 19.6% kepada RM107.53 bilion disumbangkan oleh pertambahan eksport barang E&E. Import dari AS meningkat 35.9% kepada RM64.51 bilion.

#### ***EU – Eksport Catat Pertumbuhan Dua Digit yang ke-11 Bulan Berturut-Turut***

Perdagangan dengan EU pada Ogos 2022 berkembang 23.0% tahun ke tahun kepada RM17.39 bilion, mewakili 6.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport naik 30.7% kepada RM10.04 bilion, merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-11 bulan

berturut-turut disokong oleh pertambahan eksport barang E&E. Import dari EU meningkat 13.8% kepada RM7.34 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 91.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM3.05 bilion, meningkat 24.0%;
- Jerman RM2.52 bilion, ↑20.6%;
- Perancis RM797.2 juta, ↑140.6%;
- Belgium RM777.1 juta, ↑61.4%;
- Itali RM626.3 juta, ↑31.4%;
- Poland RM357.3 juta, ↑105.4%;
- Sepanyol RM355.4 juta, ↓4.3%;
- Republik Czech RM327.4 juta, ↑24.1%;
- Hungary RM195.0 juta, ↑38.4%; dan
- Sweden RM138.9 juta, ↑13.1%.

Eksport ke kesemua pasaran utama EU merekodkan pertumbuhan kecuali Sepanyol. Eksport ke **Belanda** meningkat RM589.4 juta berikutan peningkatan permintaan bagi barang E&E, **Jerman** (↑RM431.1 juta, barang E&E) dan **Perancis** (↑RM465.9 juta, keluaran petroleum).

Berbanding Julai 2022, perdagangan dan eksport masing-masing meningkat 2.1% dan 5.0% manakala import menurun 1.6%.

Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2022, perdagangan dengan EU berkembang sebanyak 22.9% kepada RM141.90 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport meningkat 25.2% kepada RM83.42 bilion disokong oleh pertambahan eksport barang E&E, barang perkilangan logam dan keluaran petroleum. Import dari EU naik 19.7% kepada RM58.48 bilion.

### ***Jepun – Nilai Eksport Tertinggi Direkodkan***

Pada Ogos 2022, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 39.5% tahun ke tahun kepada RM16.98 bilion.

Eksport menokok 41.5% kepada RM9.12 bilion, merupakan nilai bulanan tertinggi dan pertumbuhan dua digit yang ke-18 bulan berturut-turut. Pertumbuhan ini disokong oleh kenaikan eksport LNG. Import dari Jepun bertambah 37.2% kepada RM7.86 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang sebanyak 13.2%, 18.3% dan 7.9%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, perdagangan dengan Jepun naik 20.5% kepada RM118.06 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport berkembang 26.9% kepada RM62.96 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi LNG, minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit, petroleum mentah serta kimia dan bahan kimia. Import dari Jepun meningkat 13.8% kepada RM55.10 bilion.

### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA***

Pada Ogos 2022, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 64.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 50.6% tahun ke tahun kepada RM171.93 bilion. Eksport ke rakan dagang FTA berkembang sebanyak 47.6% kepada RM95.62 bilion dan import naik sebanyak 54.5% kepada RM76.30 bilion.

Peningkatan eksport telah direkodkan ke **Hong Kong SAR**, sebanyak 57.0% kepada RM9.44 bilion hasil kenaikan eksport barang E&E, **India**, ( $\uparrow$ 49.7% kepada RM4.72 bilion, petroleum mentah), **Turkiye** ( $\uparrow$ 33.2% kepada RM1.48 bilion) dan **Chile**, ( $\uparrow$ 13.5% kepada RM65.3 juta) disumbangkan oleh eksport yang kukuh bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Manakala, eksport ke **Republik Korea** naik sebanyak 97.2% kepada RM5.28 bilion berikutan eksport yang kukuh bagi LNG, **Australia**, ( $\uparrow$ 38.3% kepada RM3.82 bilion) dan **New Zealand**, ( $\uparrow$ 31.2% kepada RM652.7 juta) disumbangkan oleh pertambahan eksport keluaran petroleum.

Berbanding Julai 2022, perdagangan dan eksport masing-masing meningkat 2.9% dan 6.5% manakala import menurun 1.4%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada tempoh lapan bulan pertama tahun 2022 yang menyerap 66.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia, naik sebanyak 32.4% kepada RM1.241 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport berkembang 31.1% kepada RM681.39 bilion dan import menokok 34.0% kepada RM560.04 bilion.

### **Prestasi Import**

Jumlah import pada Ogos 2022 berkembang sebanyak 67.6% tahun ke tahun kepada RM124.41 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 69.0% daripada jumlah import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM66.43 bilion atau 53.4% daripada jumlah import, meningkat 56.1%, berikutan kenaikan import bekalan perindustrian diproses;
- **Barangan modal**, bernilai RM10.30 bilion atau 8.3% daripada jumlah import, berkembang sebanyak 23.7%, disebabkan oleh pertambahan import barang modal kecuali kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, bernilai RM9.09 bilion atau 7.3% daripada jumlah import, naik sebanyak 43.1%, hasil kenaikan import makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isirumah.

Pada tempoh Januari hingga Ogos 2022, import berkembang sebanyak 36.7% kepada RM858.83 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Import **barangan pengantara** meningkat 35.5% kepada RM472.31 bilion, **barangan modal** ( $\uparrow$ 15.9% kepada RM77.42 bilion) dan **barangan penggunaan** ( $\uparrow$ 25.1% kepada RM67.98 bilion).

## # Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitunganimbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Rabu, 28 September 2022 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan Ogos 2022 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 19 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR dan Hong Kong SAR.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, Kesatuan Eropah (EU) adalah tidak termasuk United Kingdom.
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barang). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunakan pada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelaras bersesuaian.
- Jumlah bagi pengiraan tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

<u>Tahun/ Tempoh</u>	<u>Jumlah Eksport (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbangan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
<b>2021<sup>f</sup></b>				
Januari	89,676.8	73,057.7	16,619.1	162,734.5
Februari	87,804.3	69,680.1	18,124.2	157,484.4
Mac	105,228.1	80,867.1	24,361.0	186,095.3
April	105,630.9	85,293.2	20,337.7	190,924.1
Mei	92,387.5	78,531.7	13,855.8	170,919.2
Jun	105,316.9	83,217.3	22,099.6	188,534.2
Julai	97,124.5	83,564.1	13,560.3	180,688.6
<b>Ogos</b>	<b>95,379.4</b>	<b>74,245.0</b>	<b>21,134.3</b>	<b>169,624.4</b>
September	110,882.4	84,650.2	26,232.3	195,532.6
Oktober	114,488.1	87,905.4	26,582.7	202,393.6
November	112,670.6	93,383.6	19,286.9	206,054.2
Disember	124,432.6	92,948.5	31,484.1	217,381.2
2021 (Jan-Dis) <sup>f</sup>	1,241,022.1	987,344.0	253,678.1	2,228,366.1
<b>2022<sup>p</sup></b>				
Januari	111,068.0	92,507.4	18,560.6	203,575.5
Februari	102,266.2	82,451.8	19,814.4	184,718.0
Mac	131,559.5	104,911.9	26,647.6	236,471.3
April	127,584.7	104,105.0	23,479.7	231,689.8
Mei	120,491.6	107,793.9	12,697.8	228,285.5
Jun	146,026.3	124,162.8	21,863.5	270,189.2
Julai	134,073.9	118,488.8	15,585.1	252,562.7
<b>Ogos</b>	<b>141,334.2</b>	<b>124,410.1</b>	<b>16,924.0</b>	<b>265,744.3</b>
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<b>5.4</b>	<b>5.0</b>	<b>8.6</b>	<b>5.2</b>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<b>48.2</b>	<b>67.6</b>	<b>-19.9</b>	<b>56.7</b>
Jan-Ogos 2021 <sup>f</sup>	778,548.3	628,456.2	150,092.1	1,407,004.5
<b>Jan-Ogos 2022<sup>p</sup></b>	<b>1,014,404.5</b>	<b>858,831.8</b>	<b>155,572.7</b>	<b>1,873,236.2</b>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<b>30.3</b>	<b>36.7</b>	<b>3.7</b>	<b>33.1</b>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (OGOS)**

Barangan	Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jul 2022 <sup>p</sup>	Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>141,334.2</b>	<b>134,073.9</b>	<b>95,379.4</b>	<b>5.4</b>	<b>48.2</b>
Barangan E&E	50,894.2	46,990.2	34,271.9	8.3	48.5
Keluaran Petroleum	20,249.0	18,812.4	7,225.2	7.6	180.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	8,185.5	8,465.6	5,535.6	-3.3	47.9
Kimia & Bahan Kimia	6,689.9	6,412.4	5,804.7	4.3	15.3
LNG	6,280.9	6,063.8	3,633.0	3.6	72.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,666.9	5,449.5	3,947.0	4.0	43.6
Barangan Optik & Saintifik	5,263.7	5,132.4	3,479.5	2.6	51.3
Barangan Perkilangan Logam	5,059.6	5,481.6	4,666.7	-7.7	8.4
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	3,406.4	3,796.2	2,764.2	-10.3	23.2
Petroleum Mentah	3,145.1	2,542.4	1,514.8	23.7	107.6

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (OGOS)**

Pasaran	Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jul 2022 <sup>p</sup>	Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>141,334.2</b>	<b>134,073.9</b>	<b>95,379.4</b>	<b>5.4</b>	<b>48.2</b>
Singapura	20,842.2	22,167.8	13,486.2	-6.0	54.5
China	18,463.6	15,879.6	15,219.0	16.3	21.3
AS	14,984.2	13,298.3	10,840.6	12.7	38.2
Hong Kong SAR	9,444.2	8,420.5	6,013.5	12.2	57.0
Jepun	9,121.5	7,710.0	6,445.7	18.3	41.5
Indonesia	6,689.3	5,048.9	3,182.5	32.5	110.2
Thailand	5,860.0	6,138.5	3,680.7	-4.5	59.2
ROK	5,283.0	4,153.6	2,678.3	27.2	97.2
India	4,723.2	4,801.2	3,155.4	-1.6	49.7
Taiwan	4,571.3	4,248.2	3,085.6	7.6	48.2

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- OGOS)**

Barangan	Jan-Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jan-Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>1,014,404.5</b>	<b>778,548.3</b>	<b>30.3</b>
Barangan E&E	380,776.6	282,738.4	34.7
Keluaran Petroleum	103,570.9	59,981.5	72.7
Minyak Sawit & Keluaran			
Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	65,909.0	43,774.4	50.6
Kimia & Bahan Kimia	53,097.9	44,698.7	18.8
Barangan Perkilangan Logam	44,805.4	35,872.5	24.9
LNG	41,223.6	23,606.3	74.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	40,078.2	31,359.5	27.8
Barangan Optik & Saintifik	36,534.7	29,652.1	23.2
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	28,930.7	19,965.1	44.9
Barangan Besi & Keluli	22,746.9	17,335.3	31.2

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- OGOS)**

Pasaran	Jan-Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jan-Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>1,014,404.5</b>	<b>778,548.3</b>	<b>30.3</b>
Singapura	149,323.4	109,275.9	36.6
China	135,364.0	118,534.1	14.2
AS	107,532.1	89,942.0	19.6
Jepun	62,956.5	49,598.2	26.9
Hong Kong SAR	61,422.7	47,515.9	29.3
Thailand	44,836.2	33,649.2	33.2
India	37,004.4	26,817.1	38.0
Indonesia	36,604.8	23,327.4	56.9
Viet Nam	35,321.5	28,823.2	22.5
ROK	35,226.4	24,089.3	46.2

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (OGOS)**

Barangan	Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jul 2022 <sup>p</sup>	Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>124,410.1</b>	<b>118,488.8</b>	<b>74,245.0</b>	<b>5.0</b>	<b>67.6</b>
Barangan E&E	34,793.0	33,629.3	25,111.1	3.5	38.6
Keluaran Petroleum	20,180.6	16,500.7	5,432.0	22.3	271.5
Kimia & Bahan Kimia	10,319.5	9,915.1	7,916.7	4.1	30.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,919.4	7,446.9	4,952.4	6.3	59.9
Petroleum Mentah	6,549.4	4,915.4	958.0	33.2	583.6
Barangan Perkilangan Logam	5,102.7	5,709.3	4,013.3	-10.6	27.1
Kelengkapan Pengangkutan	4,683.8	5,150.9	2,461.8	-9.1	90.3
Barangan Besi & Keluli	2,893.0	2,883.5	2,807.0	0.3	3.1
Barangan Makanan Diproses	2,697.7	2,497.3	2,129.5	8.0	26.7
Barangan Optik & Saintifik	2,548.2	2,519.6	2,003.1	1.1	27.2

**JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (OGOS)**

Sumber	Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jul 2022 <sup>p</sup>	Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>124,410.1</b>	<b>118,488.8</b>	<b>74,245.0</b>	<b>5.0</b>	<b>67.6</b>
China	25,391.3	24,696.1	16,987.0	2.8	49.5
Singapura	12,552.0	14,354.2	6,849.4	-12.6	83.3
Taiwan	11,890.5	9,816.5	6,003.1	21.1	98.1
AS	9,576.8	9,506.2	5,914.6	0.7	61.9
Jepun	7,861.2	7,285.9	5,727.8	7.9	37.2
Indonesia	6,651.2	7,313.4	4,296.7	-9.1	54.8
ROK	6,043.5	4,835.9	3,572.6	25.0	69.2
Arab Saudi	5,215.1	3,882.5	648.0	34.3	704.8
Thailand	4,981.7	5,114.8	3,275.4	-2.6	52.1
Australia	3,528.0	4,165.1	1,740.7	-15.3	102.7

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-OGOS)**

Barangan	Jan-Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jan-Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>858,831.8</b>	<b>628,456.2</b>	<b>36.7</b>
Barangan E&E	257,698.9	194,335.6	32.6
Keluaran Petroleum	101,996.6	55,427.2	84.0
Kimia & Bahan Kimia	79,016.1	61,861.1	27.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	57,066.8	44,130.6	29.3
Barangan Perkilangan Logam	42,564.6	35,751.8	19.1
Kelengkapan Pengangkutan	31,635.0	22,397.9	41.2
Petroleum Mentah	31,053.3	9,996.7	210.6
Barangan Besi & Keluli	24,177.1	21,547.7	12.2
Barangan Optik & Saintifik	19,603.8	17,305.6	13.3
Barangan Makanan Diproses	19,407.8	15,774.6	23.0

**JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-OGOS)**

Sumber	Jan-Ogos 2022 <sup>p</sup>	Jan-Ogos 2021 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>858,831.8</b>	<b>628,456.2</b>	<b>36.7</b>
China	181,359.7	147,166.7	23.2
Singapura	92,114.8	56,980.8	61.7
Taiwan	69,451.8	46,870.8	48.2
AS	64,511.2	47,484.5	35.9
Jepun	55,103.3	48,413.3	13.8
Indonesia	50,409.4	34,365.1	46.7
ROK	40,120.6	30,787.1	30.3
Thailand	38,006.2	28,763.6	32.1
Australia	24,217.7	14,766.2	64.0
Viet Nam	22,397.2	14,465.1	54.8

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f – data muktamad

p – data provisional

## CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2016 – OGOS 2022<sup>#</sup>

